



**PERUTUSAN KHAS HARI RAYA AIDIL FITRI 1438H/2017**  
**PANGLIMA TENTERA UDARA**  
**25 JUN 2017**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

اللّٰهُ أَكْبَرُ اللّٰهُ أَكْبَرُ اللّٰهُ أَكْبَرُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ، إِلَّا واللّٰهُ أَكْبَرُ اللّٰهُ أَكْبَرُ وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ بَرَكَاتِهِ

Dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, segala tahmid dan takbir dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala atas kejayaan kita semua dalam menyempurnakan ibadah kita sepanjang bulan Ramadan 1438 Hijrah. Semoga perjalanan spiritual dan mental yang telah kita lalui dapat mentarbiyyah kekuatan rohani dan seterusnya mendidik jiwa kita agar sentiasa kental menghadapi sebarang cabaran yang mendatang, InsyaAllah.

Dengan berlalunya bulan ramadan, dikurniakan kita oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala umur berpanjangan untuk menyambut ketibaan tanggal satu Syawal, di mana kita akan meraikan hari kemenangan melawan nafsu dan dugaan iaitu Hari Raya Aidil Fitri bagi tahun 2017 bersamaan 1438 Hijrah. Marilah kita bersama-sama menyambut hari kebesaran ini dengan penuh kesyukuran, takwa dan keimanan berlandaskan lunas Islam.

Bersempena satu Syawal yang menjelang tiba, dengan penuh takzimnya, saya dan isteri, Yang Amat Mulia Tengku Puteri Seri Teja Pahang Hajah Tengku Muhaini binti Sultan Haji Ahmad Shah serta keluarga, mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidil Fitri, maaf zahir dan batin kepada seluruh warga Tentera Udara Diraja Malaysia serta ahli keluarga yang dikasihi.

Sepertimana biasa, ada di kalangan warga TUDM yang bakal meneruskan tugas kita dalam mengawal kedaulatan negara tercinta. Di kesempatan ini, saya mengucapkan selamat bertugas dengan penuh siap siaga kepada perwira, bintara dan perajurit TUDM terutamanya yang terpaksa berjauhan dari keluarga demi melaksanakan amanah yang ditanggungjawabkan kepada kita.

Ini termasuklah warga TUDM yang bertugas di pangkalan-pangkalan, yang berkawal di perbatasan negara seperti di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSZONE), mahu pun mereka yang bertugas di luar negara samada di bawah Panji-panji Bangsa-bangsa Bersatu di dalam misi

keamanan atau pun di Konsulat Malaysia sebagai Penasihat Ketenteraan dan kakitangan MALAWAKIL di sana.

Sepanjang cuti perayaan ini, saya juga perlu memberi peringatan kepada sekalian Panglima, Komander, dan Pemerintah supaya keselamatan Markas, Pangkalan dan Unit diperkemaskan agar tidak berlaku sebarang pencemaran keselamatan fizikal, maklumat dan harta benda di kawasan tanggungjawab di bawah naungan masing-masing.

Sesungguhnya, perjuangan tuan-tuan sekalian, adalah penting kepada **kuasa udara TUDM** sebagai **tonggak kedaulatan negara** kita yang tercinta. Semoga kewaspadaan dan kesiapsiagaan yang digembeling penuh luhur bakal dibalas Allah Subhanahu wa Ta'ala sebagai satu ibadah yang mabrur. InsyAllah.

Dalam kegembiraan kita menyambut Aidil Fitri yang bakal tiba, ingin saya ingatkan kepada seluruh warga TUDM yang akan bergerak pulang ke kampung halaman agar sentiasa mengutamakan keselamatan sepanjang perjalanan kelak. Bagi yang memandu kenderaan, rancanglah perjalanan agar ianya menjadi selamat, manakala mereka yang menaiki pengangkutan awam, waspadalah sentiasa dan jangan lalai agar kepulangan kita semua disambut kemeriahan dan kegembiraan.

Pada masa yang sama, marilah kita menyambut Aidil Fitri dengan penuh berhemah dalam aspek perbelanjaan. Bayaran bantuan khas kewangan yang telah diberikan oleh kerajaan sebagai persiapan Aidil Fitri seharusnya dimanfaatkan sebaik mungkin dan elakkanlah pembaziran terutamanya dalam mengimbangi kos sara hidup yang semakin meningkat.

Aidil Fitri adalah hari untuk kita bergembira dan di dalam kegembiraan tersebut marilah kita bersama-sama mengeratkan silaturrahim, bermaaf-maafan dan meningkatkan ukhwah di kalangan kita semua. Semoga aidilfitri tahun ini dapat disambut dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran bersama keluarga tercinta.

Saya mendoakan agar seluruh warga TUDM dapat merayakan aidilfitri tahun ini dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan tanpa sebarang kemudaratan dan dijauhkan dari sebarang marabahaya dan bala bencana.

Akhir kata, saya dengan rasa kerendahan hati, sekali lagi bagi pihak diri saya, isteri, anak-anak dan seisi keluarga mengambil kesempatan ini menyusun jari sepuluh memohon kemaafan zahir dan batin atas apa jua kesalahan dan kekhilafan pihak kami. Salam lebaran kami huluskan buat seluruh warga Tentera Udara serta keluarga yang kami kasihi, di mana jua kalian berada. Semoga Allah merahmati kita semua di hari mulia ini, Insyaallah.


اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، إِلَّا وَاللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**KUASA UDARA TONGGAK KEDAULATAN NEGARA**

**SENTIASA DI ANGKASARAYA**



**DATO' SRI HJ AFFENDI BIN BUANG**

**Jeneral TUDM**

**Panglima Tentera Udara**